

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 1 (A14)**

Minta penjelasan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan tarif air Johor yang dikatakan tertinggi di Malaysia. Bilakah kerajaan negeri akan mengurangkan tarif air tersebut dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat kini.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Kenaikan tarif air adalah isu yang sensitif kepada Kerajaan Negeri. Maka itu, sebarang kenaikan yang diumumkan oleh kementerian perlulah mendapat reaksi umum melalui sesi perjumpaan dan taklimat yang dianjurkan bersama pemegang taruh seterusnya menjadi intipati penting bagi kerajaan negeri mewajarkan sebarang kenaikan tarif terbabit.

Struktur tarif bergantung atas beberapa faktor seperti amaun subsidi kerajaan, perkhidmatan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, liputan perkhidmatan, kepadatan penduduk, mukabumi, kualiti air mentah dan lain-lain

Sebahagian pendapatan melalui tarif air Negeri Johor digunakan oleh Ranhill SAJ untuk menampung kos operasi bekalan air yang semakin meningkat serta menjelaskan bayaran pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan melalui skim sewa-pajakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi pembangunan infrastruktur bekalan air Negeri Johor. Di samping itu juga, pembiayaan-pembiayaan baru diperlukan oleh Ranhill SAJ untuk membangunkan infrastuktur bekalan air baru bagi menampung keperluan permintaan air yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Maka itu, Kerajaan negeri berpendapat ia bukanlah bersifat meraih keuntungan operator. Pihak Ranhill SAJ juga di kawalselia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui KPI-KPI yang membawa perkhidmatan air di negeri ini dengan lebih efisien.

Walau bagaimanapun, dalam usaha mengurangkan impak kenaikan tarif air, beberapa inisiatif telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan Ranhill SAJ:

- a. Menghapus kira Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada PAAB berjumlah RM247 juta bagi projek-projek pembangunan bekalan air luar bandar untuk tahun 2000 dan sebelumnya. Kerajaan Persekutuan Pimpinan Tun Dr Mahathir pada dasarnya telah bersetuju untuk untuk melaksanakan inisiatif ini sebagaimana kenyataan media baru-baru ini.
- b. Kerajaan Negeri Johor sedang meneruskan rundingan untuk melobi kerajaan Persekutuan bagi menghapuskira baki pinjaman Bank Pembangunan Asian (ADB) berjumlah RM145 juta bagi pembangunan infrastuktur bekalan air Negeri Johor. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri di peringkat akhir rundingan dan masih menunggu keputusan Kerajaan Pusat.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

- c. Ranhill SAJ telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan PAAB supaya kadar sewa pajak sediada yang dikenakan ke atasnya diturunkan daripada 5.86% kepada 3% bagi pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, Bank Pembangunan dan lain-lain hutang yang ke semuanya berjumlah RM1.813 billion dan telah diambil alih oleh PAAB. Cadangan penurunan kadar sewa pajak bagi pinjaman Kerajaan Persekutuan dan pinjaman-pinjaman lain yang berkaitan seperti di atas adalah supaya kadar yang dicaj oleh PAAB di Negeri Johor sama dengan kadar yang dibayar oleh negeri-negeri lain.

Oleh itu suacita diingatkan bahawa dalam konteks ini kerajaan negeri mengambil kira juga soal pengimbangan antara keperluan rakyat dan juga pembangunan infrastruktur bekalan air yang harus diteruskan bagi memastikan keperluan bekalan air terjamin untuk jangkamasa yang panjang. Dalam proses penentuan tarif Kerajaan Negeri telah meminta agar beberapa elemen dalam struktur tarif tersebut dikurangkan supaya tidak membebankan orang ramai serta memastikan industri bekalan air di negeri ini membangun secara positif. Pendekatan kita harus memastikan generasi akan datang juga tidak dibebani masalah bekalan air kerana air adalah sumber penghidupan.

Dalam penetapan tarif, Kerajaan juga melihat daripada sudut golongan-golongan yang kurang mampu yang perlu dilibatkan dalam membawa keharmonian dan kelestarian industri bekalan air ini. Dengan sebab itu kerajaan negeri memberi **air percuma** sebanyak **10 meter padu** kepada golongan B40 yang layak dikenalpasti melalui sistem pengebilan pihak Ranhill SAJ sebagai agen pelaksana. Sehingga Mei 2019, sebanyak 162,457 golongan terbabit telah menikmati pemberian air percuma oleh Kerajaan Negeri yang melibatkan kos berjumlah RM6.5 juta. Manakala bagi golongan miskin dan miskin tegar sebagai melaksanakan tanggungjawab korporatnya, pihak operator bekalan air negeri ini masih meneruskan pemberian **rebат-rebat air percuma** sebanyak **25 meter padu** kepada golongan yang layak dikenalpasti melalui senarai e-Kasih dan sumber-sumber yang lain. Sehingga kini sebanyak 3, 113 penerima mendapat manfaat daripada program CSR ini. Inisiatif yang dilaksanakan ini juga diharap dapat mengimbangi kos sara hidup golongan-golongan tersebut.

Tidak setakat itu, Kerajaan Negeri juga begitu bimbang dengan keadaan air mentah yang telah dibiarkan terancam sebelum ini sehingga menyebabkan pemberhentian operasi loji loji air yang mana air mentahnya tercemar dengan aktiviti aktiviti yang dulunya dibiarkan berleluasa. Kerajaan Negeri akan memantau perkara yang membimbangkan ini dan tidak akan teragak agak membawa pencemar air mentah ini ke muka pengadilan.

Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa secara berterusan memastikan rakyat Johor mendapat bekalan air yang berkualiti dan mencukupi disamping menangani gejala yang berpotensi mencemarkan air mentah sedia ada.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 2 (A144)**

Minta nyatakan peratusan pegangan Kerajaan Negeri dalam Ranhill SAJ Sdn. Bhd.; dan penjelasan berkenaan peranan Kerajaan Negeri dalam penentuan tarif serta kecukupan bekalan air di negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Pegangan Kerajaan Negeri dalam Ranhill SAJ Sdn Bhd (Ranhill SAJ) adalah sebanyak 20 peratus. Ini bermakna, sebahagian pendapatan Ranhill SAJ selain membayar royalti air mentah dengan anggaran RM35 juta setahun kepada Kerajaan Negeri, Ranhill SAJ juga memperuntukkan 20 peratus bagi tujuan pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 3 (A178)**

Apakah rancangan untuk menaik taraf Jalan Batu Pahat, terutamanya seksyen daripada Ayer Hitam ke Kluang yang kerap berlaku kes kemalangan maut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Cadangan menaiktaraf laluan persekutuan Batu Pahat - Ayer Hitam (FT050) bermula dari KM21 (Pt Sempadan) hingga ke KM 35 (Selepas Tol Ayer Hitam) telah dipohon untuk dilaksana didalam RMK11. Projek ini telah tersenarai sebagai projek keutamaan untuk dilaksanakan dalam RP4 RMK11. Wakil EPU dan KKR telah mengadakan lawatan tapak pada 20 April 2019. Status terkini projek ini sedang menunggu kelulusan daripada EPU untuk dilaksanakan dalam RP4 RMK11.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 4 (A20)**

Ramai golongan miskin tidak dapat tersenarai dalam E-Kasih kerana Purata Pendapatan Isi Rumah mereka melebih garis kemiskinan. Realitinya mereka terbeban dengan kos-kos tambahan seperti perubatan (penyakit kronik) dan lain-lain. Mohon pencerahan penyelesaian isu ini.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Adalah menjadi syarat utama semua pemohon bantuan JKM perlu mematuhi Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri melalui surat Bil: 51 dlm. UPP:BKK/177/174/1 Klt.20 bertarikh 31 Disember 2018 mengenai penyelaras penggunaan PGK 2016 untuk pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan bagi agensi-agensi berkaitan.

Pemakluman ini adalah selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah dikuatkuasakan pelaksanaannya mulai 1 Julai 2018 melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 29 Jun 2018.

Untuk makluman YB Mahkota, mekanisme pendaftaran eKasih yang dilaksanakan dalam Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Johor adalah melalui Mesyuarat *Focus Group* Daerah yang dilaksanakan setiap bulan. Pendaftaran eKasih adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016 yang digunakan bermula 2 Januari 2019 yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

PGK 2016 ditakrifkan sebagai pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Selain itu, PGK juga mengambil kira jumlah nilai keperluan kalori bagi setiap isi rumah dengan purata 5 orang dan ditukar kepada nilai harga runcit mengikut kawasan serta perbezaan harga barang mengikut lokasi strata bandar dan luar bandar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang dalam kajian untuk mengadaptasi Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) yang merangkumi dimensi pendidikan, kemudahan asas setiap rumah, tahap kesihatan dan taraf hidup sebagai pelengkap kepada PGK yang berdasarkan dimensi pendapatan.

Sehubungan itu, melalui jawatankuasa *Focus Group* Daerah, setiap peserta yang dicadangkan untuk menerima bantuan akan dimuktamadkan dan disahkan bagi memastikan tiada pertindihan bantuan dan peserta yang disenaraikan adalah layak untuk menerima bantuan tersebut. Kerajaan juga bersedia untuk memberi pelbagai bantuan kepada golongan sasar terutamanya kepada golongan yang berpendapatan terendah 40% (B40), Miskin dan Miskin Tegar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 5 (A149)**

Mohon nyatakan status terkini dan perlaksanaan Tabung Latihan Kemahiran.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

1. Tabung Latihan Kemahiran Johor (TLKJ) yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 oleh Unit SMI telah ditambah baik kepada Program Johor Upskilling and Reskilling pada tahun ini dengan menumpukan latihan kemahiran yang berteraskan keperluan industri.
2. Peruntukan bagi pelaksanaan program ini ialah RM1.5 juta dengan sasaran peserta seramai 200 orang di kalangan belia.
3. Program ini dirancang berdasarkan kehendak dan keperluan semasa industri yang seterusnya akan membolehkan peserta keberolehan pekerjaan sebaik sahaja tamat latihan dan meningkatkan peluang pekerjaan.
4. Program ini juga mendapat kerjasama antara Kerajaan Negeri melalui Unit Strategik Modal Insan bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Badan-Badan Professional dari segi penyelaraskan modul dan pensijilan dan Jabatan Tenaga Kerja melalui JobsMalaysia dari segi peluang-peluang pekerjaan dan keperluan industri.
5. Latihan Kemahiran yang akan dilaksanakan di bawah Johor Upskilling and Reskilling ini menumpukan industri daripada sector-sektor tumpuan Negeri Johor seperti Sektor Pembuatan, Minyak dan Gas, Hospitaliti dan Pelancongan, serta Sektor Kesihatan.
6. Program ini akan bermula pada bulan Julai tahun ini yang mensasarkan latihan dalam tempoh 1 bulan hingga 4 bulan dan seterusnya mendapat pekerjaan mengikut sektor-sektor yang berkaitan. Menerusi program ini, 30% merupakan latihan teori manakala bakinya 70% ialah latihan praktikal di industri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMMAD TAQIUDDIN BIN CHEMAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 6 (A159)**

Apa inisiatif jawatankuasa penerangan dalam mendepani dan menangkis serangan melalui laman siber seperti Johor Press yang cuba memburukkan imej kerajaan Johor?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKELFLY BIN AHMAD

Tidak dinafikan dalam era teknologi siber masakini, pelbagai perkara, situasi, berita, isu dan maklumat dengan mudah serta pantas disebar, dipapar dan dikongsikan sehingga sumber itu mencuri tumpuan malah ada yang terus menjadi *viral* dan *trending*.

Kerajaan negeri akan sentiasa meneliti setiap isu yang diutarakan di laman-laman siber yang cuba memburukkan imej kerajaan johor khususnya bagi mengelakkan kekeliruan sesetengah pihak yang cuba memanipulasi sesuatu maklumat kepada masyarakat.

Justeru, kerajaan negeri akan sentiasa memberikan informasi yang sahih, tepat dan terkini berkaitan dasar, inisiatif serta perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat seiring dengan kemajuan teknologi masa kini dengan menggunakan media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, *whatsapp* dan lain-lain.

Untuk makluman semua, kerajaan negeri tidak boleh menyekat dan menahan mana-mana pihak yang menyebarkan maklumat melalui pelbagai aplikasi di media sosial. Namun begitu, kerajaan negeri akan sentiasa berusaha untuk *rebuttal*(menangkis) maklumat yang tidak tepat dan palsu melalui infografik, karikatur dan penerbitan bagi menangani isu-isu negatif dan sensitif yang disebarluaskan di media-media sosial.

Selain daripada itu, kerajaan negeri sentiasa menggunakan kaedah konvensional seperti komunikasi bersemuka untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Pendekatan yang diambil adalah dengan memberi tumpuan kepada dua kelompok sasar iaitu *key communicators* di semua daerah dan kumpulan-kumpulan kecil seperti pertubuhan ngo, persatuan belia, pengusaha kecil, persatuan penduduk dan sebagainya. Melalui pendekatan ini, individu atau agensi peringkat *front-liner* akan diberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai kerajaan negeri dan impaknya dapat dilihat apabila mereka mampu menjadi ejen penyampai yang dipercayai kepada kelompok masyarakat hingga ke peringkat akar umbi. Kewujudan rangkaian ini juga dilihat sekaligus dapat memperbetulkan persepsi negatif dan menyampaikan maklumat tepat berkenaan kerajaan negeri.

Disamping itu, kaedah media massa seperti media cetak (suratkhabar, majalah & buletin) dan media elektronik (radio & televisyen) turut digunakan untuk menyampaikan maklumat yang betul bagi mendepani dan menangkis isu yang dibangkitkan. Segala maklumat melalui medium-medium ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa agar rakyat mendapat maklumat yang sahih, tepat dan terkini.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 7 (A37)**

Apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang pembentangan Kertas Putih Felda yang ternyata banyak memberi kesan negatif kepada warga Felda?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

FELDA melihat pembentangan Kertas Putih ini adalah sesuatu yang positif untuk memberitahu situasi sebenar dan isu yang dihadapi oleh FELDA, membuat analisa prestasi kewangan secara mendalam dan bagi membentuk hala tuju baharu FELDA.

Sehubungan itu, melalui inisiatif ini Kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan kepada FELDA sebanyak RM6.23 Billion dalam bentuk tunai dan bon bagi:-

- i. Bantuan RM2.0 Billion untuk menghapuskan kadar faedah hutang peneroka yang memanfaatkan 66,944 orang peneroka;
- ii. Pembiayaan RM480 Juta bagi bayaran pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil kepada 33,000 orang peneroka untuk menampung kos harian sepanjang tempoh tanam semula;
- iii. Peruntukan sebanyak RM250 Juta untuk menyelamatkan rumah generasi baharu terbengkalai yang 70% hampir siap iaitu akan memberi manfaat kepada 4,794 keluarga generasi baharu. Projek PGBF yang akan terlibat dalam negeri Johor adalah PGBF Inas Utara, PGBF Sungai Sibol, PGBF Maokil 1&2 dan PGBF Papan Timur;
- iv. Bantuan RM1.0 Billion bagi pembangunan program hasil baharu seperti aktiviti tanaman dan ternakan bagi menambah pendapatan peneroka. Perincian program masih dalam penilitian dan masih belum diputuskan; dan
- v. Bantuan RM2.5 Bilion untuk penstrukturkan semula pinjaman-pinjaman FELDA.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 8 (A111)**

Adakah inisiatif Kad Sihat Johor ini akan diteruskan pada tahun hadapan dan apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pemegang-pemegang kad sedia ada ini agar dapat menikmati manfaatnya secara berterusan di masa hadapan?

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 9 (A119)**

Adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk memperluaskan golongan yang manfaat dalam program Kad Sihat Johor seperti di Selangor dan Pulau Pinang?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR
(Jawapan bersekali untuk soalan A111 & A119)**

Pihak Kerajaan Negeri berhasrat agar lebih ramai golongan B40 akan mendapat manfaat dari Kad Sihat Johor. Perluasan golongan yang menerima manfaat Kad Sihat ini akan dipertingkatkan dari tahun ke tahun.

Insentif Kad Sihat Johor juga akan diteruskan bagi tahun hadapan sebagaimana manifesto 100 hari Kerajaan Negeri Johor. Secara dasarnya pelaksanaan Kad Sihat Johor bertujuan membantu golongan B40 di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)
SOALAN 10 (A18)**

Minta penjelasan apakah langkah yang disusun oleh kerajaan negeri dalam mengukuhkan perpaduan kaum di Johor. Sila nyatakan program yang telah dijalankan sepanjang 2018 hingga kini dan apakah yang menghalang kemantapan hubungan kaum ini di Johor.

JAWAPAN YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPIAH

Perpaduan adalah merupakan tonggak penting kepada keharmonian dan kestabilan negara. Dalam usaha untuk menyemai, memupuk serta memperkuatkan kesepaduan sosial masyarakat khususnya di negeri Johor ini, maka Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi khususnya Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) Negeri Johor sentiasa berusaha dan komited untuk melaksanakan langkah-langkah ke arah meningkatkan kesepaduan sosial dan membendung isu-isu yang boleh menjelaskan keharmonian masyarakat berbilang kaum di negeri ini. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan ialah:

Merangka Pelan Strategik PERPADUAN 2017-2020 sebagai kerangka strategik jangka panjang yang menyeluruh sebagai panduan untuk memperkuatkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia yang majmuk. Pelan ini diwujudkan sejajar dengan RMKe-11, bagi memenuhi kehendak pemegang taruh (stakeholders) dan pelanggan berdasarkan persekitaran semasa dan jangkaan akan datang. Pelan ini menetapkan 6 teras utama yang mendokong ke arah memelihara dan memantapkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat seperti berikut:

- Membudayakan Perpaduan
- Memperkasakan Khidmat Komuniti
- Memupuk Semangat Patriotisme
- Meningkatkan Keselamatan Dan Keharmonian Komuniti
- Mengukuhkan Integrasi Nasional; dan
- Mengukuhkan Kecekapan Organisasi.
- Anjakan paradigma PERPADUAN dibuat melalui kerjasama dengan rakan strategik seperti pertubuhan / persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGOs) dan pihak swasta. Kerjasama ini mampu mencetuskan detik-detik perpaduan menerusi program/aktiviti jaringan sosial melalui program MyHero Awards, Unity Run, dan Moments of Unity.

Selain itu, PERPADUAN dengan menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (engage and educate) telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

- Program Detik-Detik Perpaduan (Moments of Unity)
- Sambutan World Interfaith Harmony Week, International Day for Tolerance dan Dialog Harmoni
- Program Mempromosikan Keharmonian dan Kesefahaman Antara Penganut Agama
- Program Modul Silang Budaya
- Program MyRukun Negara

Memberbanyakkan dan mempelbagaikan program-program Membudayakan Perpaduan di peringkat Negeri dan di seluruh Daerah.

Memperkasakan dan memperkuatkan peranan 805 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negeri sebagai Agen Perpaduan di peringkat komuniti agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.

Menganjurkan Program Sambutan Minggu Perpaduan di Peringkat Negeri dan di Daerah yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang betapa pentingnya semangat perpaduan sentiasa dipupuk dan diperkuatkan. Pelbagai aktiviti dilaksanakan bersempena dengan Sambutan Minggu Perpaduan bagi menyediakan platform kepada masyarakat untuk berinteraksi ke arah memupuk semangat perpaduan dan hormat menghormati di antara satu sama lain.

Menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat melalui pendekatan Mediasi Komuniti.

Menyemai nilai-nilai murni, kenegaraan dan jati diri kepada kanak-kanak prasekolah di 206 Tabika Perpaduan di seluruh negeri agar kanak-kanak ini dapat menghayati dan memahami kepelbagaian masyarakat Malaysia sejak dari kecil lagi.

Menyebarluaskan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian.

Namun demikian, perlu ditekankan bahawa usaha-usaha untuk memupuk hubungan kaum bukanlah merupakan tanggungjawab kerajaan sahaja, malah semua pihak seharusnya memainkan peranan dan berusaha untuk mengekalkan perhubungan yang baik antara semua kaum di negara ini terutama dalam kalangan generasi muda. Usaha-usaha secara berterusan hendaklah dilaksanakan ke arah membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu padu. Dengan adanya kerjasama, sokongan penuh dan usaha padu dari semua pihak, maka agenda perpaduan dan integrasi nasional dapat terus diperkuatkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG
NEGERI JOHOR BAGI TAHUN 2018**

BIL	DAERAH	TARIKH / MASA	TEMPAT	PERASMI
1.	Pontian Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Johor	18.8.18 / 9.00 pagi	Pusat Perdagangan Pontian	YB. Dr. Md Farid Bin Md Rafik Timbalan Menteri Di JPM (Perpaduan Negara & Kesejahteraan Sosial)
2.	Mersing	29.8.18 / 8.00 pagi	Dewan Jubli Intan	ADUN Endau
3.	Johor Bahru	30.8.18 / 9.00 malam	KRT Taman Cahaya Masai	Ahli Parlimen Tebrau
4.	Kota Tinggi	31.8.18 /9.00 malam	KRT Felda Semenchu	PPD Kota Tinggi
5.	Kluang	9.9.18 /8.00 pagi	Dewan Orang ramai Taman Desa	Pegawai Daerah Kluang
6.	Muar	9.9.18 / 9.00 pagi	SMK Tengku Mahkota, Muar	Pegawai Daerah Muar
7.	Tangkak	12.9.18 /10.00 pagi	SMK Tun Mamat,Tangkak	PPN Johor
8.	Segamat	15.9.18 / 11.30 pagi	Dewan Kg Sg Gatom	YB Ahli Parlimen/ YB Exco

**PELAKSANAAN PROGRAM
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT DAERAH BAGI TAHUN 2018**

Bil.	Daerah	Tarikh Pelaksanaan	Tempat
1	JOHOR BAHRU	12 MEI 2018	DATARAN KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG
2	MUAR	12 MEI 2018	DATARAN TANJUNG EMAS, MUAR
3	KLUANG	2 MEI 2018	DEWAN SEK. MEN. KEB. DATO HJ HASSAN YUNOS, RENGGAM
4	BATU PAHAT	5 MEI 2018	DATARAN PENGGARAM,BATU PAHAT
5	SEGAMAT	5 MEI 2018	KRT TAMAN YAYASAN, SEGAMAT

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

6	KULAI	29 APRIL 2018	PASARAYA MYDIN, KULAI
7	KOTA TINGGI	12 MEI 2018	KRT ZON 6, TMN ANGGERIK, BANDAR TENGGARA
8	TANGKAK	11 MEI 2018	KRT TAMAN TANGKAK JAYA
9	PONTIAN	29 APRIL 2018	DEWAN SEK. MEN. MAAHAD PONTIAN
10	MERSING	13 MEI 2018	DEWAN SERBAGUNA TMN MERSING

PELAKSANAAN PROGRAM MY RUKUN NEGARA DI PERINGKAT NEGERI BAGI TAHUN 2018

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENGISIAN AKTIVITI
1	Let's Hike	5 & 6 Mei 2018	Gunung Ledang, Tangkak	Pendakian gunung dan mengenali alam Sekitar
2	Patriotik Idol	12 Mei 2018	Dataran Tanjung Emas, Muar	Nyanyian lagu Patriotik
3.	Kem Kepimpinan	6 Jul - 8 Julai 2018	Kem Kaizen, Gunung Pulai	Program Khemah Kerja
4.	Kem Silang budaya	6 Jul - 8 Julai 2018	Kem Kaizen, Gunung Pulai	Modul Silang Budaya

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 11 (A52)**

Apakah penyelesaian kerajaan untuk menangani masalah limpahan air lecet dari tapak buangan sampah CEP Renggam setiap kali berlakunya hujan?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Tapak Pelupusan Ladang CEP Simpang Renggam merupakan tapak pelupusan *open dumping* pada asalnya. Ianya telah dibina sejak tahun 1995 oleh Majlis Daerah Simpang Renggam. Perkhidmatan melupuskan sisa pepejal di tapak ini telah digunasama oleh (2) PBT lain iaitu Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Walau bagaimanapun, operasi tapak pelupusan ini telah ditamatkan pada 23 Mac 2019 oleh arahan YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Hajah Zuraidah Binti Kamaruddin. Ini adalah berikutan berlakunya limpahan air larutan lesap (air *leachate*) ke Sungai Benut akibat hujan lebat yang berterusan pada 22 Mac 2019. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah lain turut diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi masalah ini dan antaranya adalah :

1. Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air *Leachate*

Projek ini adalah bertujuan menaiktaraf loji rawatan *leachate* sedia ada dari berkapasiti 150 meter cubic kepada 300 meter cubic sehari. Tempoh kontrak projek ini adalah selama 4 bulan iaitu dari 8 April 2019 hingga 8 Ogos 2019. Kontraktor yang dilantik oleh pihak kerajaan persekutuan adalah SWM Greentech Sdn Bhd.

2. Projek Pengukuhan Bund

Skop utama projek ini adalah untuk membina 9m dan 12m *sheet pile* di kawasan tebing kolam takungan *leachate* dan juga membina sistem kawalan hakisan tanah. Kontraktor yang dilantik adalah LGB Engineering Sdn Bhd dan tempoh yang diberikan adalah selama 3 bulan untuk disiapkan.

3. Perkhidmatan Pengoperasian 3 MLTP

Tiga (3) *Mobile Leachate Treatment Plant* (MLTP) diletakkan di Tapak pelupusan Ladang CEP Simpang Renggam bagi membantu meningkatkan kapasiti *leachate* dirawat di tapak, di mana setiap satu MLTP ini berkapasiti 50 meter cubic sehari. Dengan meletakkan 3 MLTP ini, jumlah *air leachate* dirawat di tapak dapat dinaikkan kepada 150 meter cubic setiap hari. MLTP ini diambil dari tapak pelupusan Bukit Bakri Muar, tapak pelupusan Pekan Nenas, Pontian, dan Tapak Pelupusan Maokil, Labis.

4. Perkhidmatan pengalihan *Leachate* ke Tapak Pelupusan Sanitari Seelong.

Perkhidmatan pengalihan *leachate* ini dilaksanakan dengan menggunakan 3 lori tangki setiap hari. Setiap lori ini mampu mengangkut 25 meter cubic pada satu masa dan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

setiap lori akan berjalan 2 kali trip setiap hari. Ini bermakna setiap hari jumlah *leachate* yang dihantar adalah sebanyak 150 meter cubic. Ini bagi mengurangkan jumlah *leachate* yang bertakung di tapak dapat dirawat.

5. Perkhidmatan pengalihan sisa pepejal ke Tapak Pelupusan Sanitari Seelong.

Dengan bermulanya arahan penutupan tapak pelupusan ini, sisa pepejal dari (3) PBT iaitu Majlis Daerah Simpang Renggam, Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Perbandaran Batu Pahat yang berkenaan diarahkan untuk melupuskan sisa pepejal mereka terus ke Tapak Pelupusan Sanitari Seelong. Arahan ini secara tidak langsung telah meningkatkan kos pengangkutan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Namun, kos pengangkutan tersebut belum ditentukan dan masih dalam perbincangan antara pihak-pihak berkenaan.

6. Kerja- Kerja penutupan sampah (*Soil Capping*)

Setelah tapak ini tidak lagi beroperasi, pihak operator telah diarahkan untuk menutup keseluruhan tapak tersebut dengan tanah. Ini bagi mengurangkan jumlah air hujan yang masuk ke dalam sampah dan sekaligus mengurangkan air *leachate* yang terhasil. Selain itu juga, kaedah ini dapat mengurangkan bau busuk dari merebak ke luar tapak. Kos kerja-kerja penutupan sampah ini sudah termasuk dalam kos operasi pihak operator.

7. Pembinaan loji *Pollutant Removal System (PRS)* oleh Ranhill SAJ

Bagi memastikan bekalan air kepada 23 ribu premis di Simpang Renggam dan Pontian tidak terganggu, pihak Ranhill SAJ telah membina loji *Pollutant Removal System (PRS)* sebagai *backup plan* bertujuan menyelesaikan isu ammonia di Sungai Benut. Sistem ini akan berfungsi apabila operasi Loji Rawatan Air Simpang Renggam terpaksa ditutup akibat pencemaran Ammonia yang tinggi dan melebihi had diluluskan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 12 (A150)**

Mohon nyatakan perlaksanaan program ADUN Belia Johor yang telah dibentangkan dalam Bajet 2019.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

- 1) Jabatan telah melakukan beberapa “benchmark” bagi perlaksanaan program ADUN Belia Johor ini, antaranya DUN Belia Negeri Sembilan, DUN Belia Perak dan juga Sidang Muda Pulau Pinang.
- 2) Kertas cadangan perlaksanaan ADUN Belia Johor ini telah disiapkan dan dalam fasa mendapat persetujuan daripada pejabat YAB Menteri Besar Johor.
- 3) Hal ini kerana, bajet untuk melaksanakan program ini adalah daripada pejabat YAB Menteri Besar.
- 4) Selepas mendapat persetujuan YAB MB, kertas cadangan akan dibawa ke dalam MMK untuk pengesahan.
- 5) Konsep yang akan diguna pakai ialah melalui sesi perbengkelan demokrasi diikuti bengkel pra persidangan dan diakhiri persidangan ahli DUN Belia.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 13 (A38)**

Apakah pendirian kerajaan tentang isu pindah milik tanah generasi baru Felda?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Status tanah FELDA adalah di bawah akta GSA yang mengawal penggunaan tanah dalam kawasan rancangan. Namun begitu, bagi lot rumah yang telah diluluskan permohonan untuk membatalkan seksyen 4 dan seksyen 6 perlulah dibuat di Pejabat Tanah Daerah. Kuasa meluluskan pembatalan warta adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dengan diluluskan oleh Menteri dan Felda hanya menyokong permohonan. Peruntukan jumlah lot hanya tertakluk kepada jumlah peneroka dan kawasan kosong dalam rancangan.

Setelah seksyen 4 dan seksyen 6 dibatalkan, permohonan dari generasi kedua boleh membuat permohonan pinjaman dari mana-mana agensi kewangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 14 (A79)**

Bilakah kajian semula projek Senai- Kulai bypass di dalam RMK9 akan dilakukan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pada masa kini proses mengemaskini semula maklumat yang berkaitan tanah-tanah yang terlibat serta jajaran jalan sedang dilaksanakan untuk perlaksanaan pada masa akan datang.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI HAJI ISMAIL (SG. BALANG)
SOALAN 15 (A25)**

Setakat ini 73 buah PDK dan pengerusi2 PDK yang lama diarahkan untuk letak jawatan mengikut arahan surat MBJ.01/04/107(1) bertarikh 19.2.2019 bagi tujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus PDK. Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Negeri bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus PDK itu.

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah mula diperkenalkan di Negeri Johor sejak tahun 1989. Sehingga kini terdapat sebanyak 73 buah PDK beroperasi di seluruh Negeri Johor yang memberi manfaat kepada 2500 orang pelatih OKU dan 434 orang penyelia serta petugas.

Negeri Johor, PDK dipengerusikan oleh Isteri Wakil-Wakil Rakyat di kawasan DUN atau wakil rakyat di kawasan itu sendiri untuk meneraju dan mengurus tadbir PDK mengikut Garis Panduan Pengurusan PDK yang ditetapkan. Berbeza dengan negeri-negeri lain dimana pelantikan Pengerusi PDK adalah dalam kalangan komuniti setempat dan dibuat secara undian melalui Mesyuarat Pemilihan Jawatankuasa PDK setiap 2 tahun sekali.

Pada bulan Januari 2018, kesemua PDK di negeri Johor telah berdaftar sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Ini adalah usaha jabatan dalam mewujudkan PDK sebagai *Legal Entity* dengan menambahbaik pengurusan pentadbiran, kewangan dan operasi PDK dengan mewajibkan setiap PDK perlu berdaftar sebagai Pertubuhan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan atau ROS. Nama PDK juga turut ditukar kepada Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK) yang mana sebelum ini ialah Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Bagi meneruskan tanggungjawab dan kesinambungan program ini, Kerajaan Negeri sedang mengemas kini dan menambah baik program pemulihan di PDK yang turut melibatkan pelantikan jawatankuasa dan sebagainya. Dalam hal ini, Pengerusi dan Keahlian Jawatankuasa masih lagi dikekalkan sepertimana dasar terdahulu iaitu pelantikannya hendaklah dalam kalangan isteri Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Ahli Parlimen di bawah Kerajaan yang memerintah. Sehingga bulan Jun 2019, daripada 73 buah PDK, terdapat 9 buah PDK masih belum beralih pengurusan dari yang lama kepada pengurusan yang baharu iaitu PKPDK Sri Sulong Batu Pahat , PKPDK Seri Medan Batu Pahat, PKPDK Nusajaya Johor Bahru, PKPDK Tun Aminah Johor Bahru , PKPDK Aura Firdausi Bukit Besar Kota Tinggi, PKPDK Sri Cahaya Bandar Kota Tinggi, PKPDK Sinar Suria Adela Kota Tinggi, PKPDK Pagoh Muar dan PKPDK Maharani Muar.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

Jabatan sentiasa berusaha memperkasakan PDK demi kepentingan rakyat khususnya golongan sasar OKU. Oleh itu, tadbir urus PDK perlulah sentiasa cekap dan berkesan bagi membantu kecemerlangan pelatih dan PDK. Jabatan telah merancang beberapa pendekatan sebagai usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan urus tadbir PDK Negeri Johor iaitu:

- (a) Mengadakan Kursus Pengurusan PDK dan Tatacara Kewangan selari dengan kehendak dan peraturan Garis Panduan Pengurusan PDK dan Akta Pertubuhan 1966 bagi semua jawatankuasa baharu supaya meningkatkan ilmu dalam pengendalian PDK.
- (b) Membuat pemantauan dan naziran secara berkala terhadap pengurusan PDK.
- (c) Mengadakan sessi penerangan berkaitan pengurusan orang kurang upaya OKU kepada jawatankuasa baharu supaya mereka lebih memahami penjagaan OKU.
- (d) Memberikan khidmat nasihat kepada Jawatankuasa Baharu tentang pengurusan PDK agar lebih ramai OKU memperoleh manfaat daripada program PDK.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)
SOALAN 16 (A78)**

Berapakah bilangan pekerja warga asing di Senai.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN

Jumlah sebenar penggajian pekerja warganegara asing di Senai adalah tidak dapat ditentusahkan kerana data yang diperolehi oleh Jabatan Tenaga Kerja hanya dapat dijana mengikut Daerah Johor Bahru sahaja secara keseluruhan. Melalui sumber (Labour Market Database) LMD yang terkini didapati seramai 49,135 orang pekerja warganegara asing bekerja di sekitar daerah Johor Bahru.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 17 (A122)**

Nyatakan senarai penggantian paip-paip bagi kawasan Bukit Naning terutama di Mukim Ayer Hitam yang sering mengalami masalah tekanan rendah bagi kegunaan penduduk sekitar.

JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Daerah Muar mempunyai rangkaian paip sepanjang 1,958 km di mana 35% daripadanya terdiri daripada paip jenis Asbestos Cement (AC) yang telah berusia lebih daripada 25 tahun dan sehingga kini sebahagiannya masih dalam keadaan baik. Pihak Ranhill SAJ sedang membuat program penggantian paip secara berperingkat dan mengikut keutamaan. Program ini dijangka selesai keseluruhannya menjelang tahun 2025 dengan paip-paip jenis *uPVC, Multilayer uPVC* dan juga paip *HDPE*.

Bagi Mukim Ayer Hitam khususnya, projek penggantian paip air sudah mula dilaksanakan sejak tahun 2017 dan sehingga tahun ini, sebanyak RM3.6 juta telah diperuntukkan bagi program penggantian paip-paip lama yang secara keseluruhannya melibatkan paip baru sepanjang kira-kira 16.25 kilometer.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)
SOALAN 18 (A11)**

Bilakah CCTV akan dipasang di Pekan Yong Peng demi mengelakkan peningkatan kes pecah rumah di Pekan Yong Peng yang semakin meningkat?

JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON

Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) dalam proses untuk menyediakan spesifikasi kerja bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan CCTV di dalam kawasan Bandar Yong Peng.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 19 (A95)**

Sila nyatakan dengan lengkap nama projek pembangunan pelancongan di seluruh negeri Johor, sama ada dalam bentuk promosi atau infrastruktur yang dibangunkan oleh Johor Tourism dari tahun 2018 hingga kini, siapa kontraktor yang terpilih dan adakah ia dilakukan secara tender terbuka atau tidak?

JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG

Beberapa usaha telah dilakukan bagi pembangunan pelancongan di Negeri Johor sama ada dari segi promosi ataupun pembangunan/pemuliharaan infrastruktur. Berkaitan dengan promosi, Tourism Johor dengan kerjasama syarikat penerbangan Jin Air dan Tour Zone telah menjalankan satu promosi "Home Shopping" di mana ia adalah satu rancangan televisyen di Korea yang mempromosikan tempat-tempat pelancongan dan hotel-hotel di Johor. Diharap usaha ini dapat menarik lebih ramai pelancong dari Korea ke Johor memandangkan terdapat penerbangan terus dari Incheon Korea ke Lapangan Terbang Senai melalui Air Asia.

Selain daripada itu, penjenamaan semula Xplore Johor kepada Majestic Johor melalui Go Asean Sdn Bhd. pada tahun 2017, di mana Majestic Johor akan menjadi *platform* kepada pemain industri pelancongan bagi memperkenalkan pakej produk lebih dinamik dan berkualiti. Website Tourism Johor yang dibangunkan sebelum ini oleh My Outdoor Sdn Bhd telah diperbaharui dan akan sentiasa dikemaskini bagi memberikan lebih maklumat kepada para pelancong dari dalam dan luar negeri.

Selain daripada promosi yang dinyatakan, pembangunan infrastruktur juga telah dilakukan seperti membaikpulih *billboard* di sempadan Pontian – Sedenak yang dilakukan oleh Teknikini Enterprise, pembangunan visual *billboard* di highway PLUS KM75.8 arah utara & KM172.1 arah selatan oleh Kejuruteraan & Elektrikal Prasarana Indah serta membaikpulih *billboard* di sempadan Pontian – Simpang Renggam oleh Ria Construction & Enterprise. Terdapat banyak lagi usaha penambahbaikan dan pembangunan pelancongan yang dijadualkan pada 2019 ini dalam menuju Tahun Melawat Johor 2020 seperti pembangunan Tourism Information Center (TIC), pemberian papan tanda dan *billboard* dan hal-hal yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2018, Tourism Johor telah menganjurkan sebanyak 28 FAM trip melibatkan 1000 orang peserta yang terdiri daripada 100 orang pengamal media antarabangsa, 200 orang pengamal media tempatan, 250 orang ejen pelancongan antarabangsa dan 450 orang ejen pelancongan domestik.

Selain daripada itu, Tourism Johor juga telah menyertai program promosi 'Travel Fair' dan 'Travel Mart' bertujuan untuk mempromosikan Johor sebagai destinasi pelancongan kepada pelancong antarabangsa dan domestik. Sebanyak 17 acara

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

promosi telah disertai sepanjang tahun 2018 sama ada di peringkat antarabangsa dan domestik seperti berikut :

Bil	Nama Acara	Tempat	Bulan
1	MITA Travel Fair	Malaysia International Trade & Exhibition, Kuala Lumpur	Januari 2018
2	International Tourismus Borse	Berlin, Jerman	Mac 2018
3	MATTA International Travel Fair	PWTC, Kuala Lumpur	Mac 2018
4	MITM Travel Fair	Sutera Mall, Johor Bahru	Mac 2018
5	MATTA Travel Fair Penang	Straits Quay Convention Centre, Pulau Pinang	Mac 2018
6	Travel Malaysia	Singapore EXPO	April 2018
7	MATTA Travel Fair JB	Danga Expo, Johor Bahru	April 2018
8	MATTA Travel Fair Sabah	Kota Kinabalu	Mei 2018
9	MATTA Travel Fair Pahang	East Coast Mall, Kuantan	Mei 2018
10	Malaysia Truly Asia	Changi Point, Singapura	Mei 2018
11	MATTA Travel Fair Johor	Danga Expo, Johor Bahru	Ogos 2018
12	MATTA International Travel Fair	PWTC, Kuala Lumpur	September 2018
13	PATA Travel Mart	Langkawi, Malaysia	September 2018
14	Travel Malaysia	Singapore Expo	Oktober 2018
15	ITB Asia	Marina Sands, Singapura	Oktober 2018
16	World Travel Market	London, United Kingdom	November 2018
17	Malaysia Truly Asia Travel Fair	Changi Point, Singapura	November 2018

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)
SOALAN 20 (A21)**

Perumahan Rakyat di Flat-Flat di Kluang milik kerajaan negeri berada di dalam keadaan yang tidak sempurna, kerosakan dan fasiliti yang uzur menyebabkan ia tidak selesa didiami. Apakah penyelesaian yang boleh diberikan oleh pihak kerajaan negeri?

JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD

Untuk makluman Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri Johor melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan mengambil tanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara Rumah Sewa Kerajaan (RSK) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negeri Johor.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Mahkota, dijelaskan bahwasanya untuk daerah Kluang terdapat satu RSK di bawah seliaan Kerajaan Negeri Johor iaitu di Jalan Haji Manan, Kluang yang terdiri daripada 4 blok rumah pangsa 4 tingkat (Blok A, B, C & D) dan kesemuanya berjumlah 128 unit rumah. Berdasarkan rekod sedia ada, rumah pangsa serta fasiliti yang dinyatakan tersebut telah diselenggara secara berkala dan berada dalam keadaan yang memuaskan. Pejabat SUKJ Bahagian Perumahan juga tidak menerima sebarang aduan mengenai kerosakan atau keuzuran rumah dan fasiliti yang telah disediakan. Sekiranya terdapat sebarang aduan yang dibuat kepada Pejabat SUKJ Bahagian Perumahan, tindakan segera akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah yang diajukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)
SOALAN 21 (A175)**

Berapakah nisbah kumpulan belia yang berpersatuan dengan mereka yang tidak bernaung dibawah mana-mana pertubuhan? Adakah jurang perbezaan ini besar dan apakah sebabnya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Perling, berdasarkan kepada jumlah pendaftaran pertubuhan belia di bawah Pejabat **Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)**, Kementerian Belia dan Sukan sejak tahun 2008 hingga kini, dianggarkan 20 peratus (%) golongan belia terlibat dalam pertubuhan/persatuan belia. Jika dilihat **kepada peratusan tersebut, jurang ini amat besar**.

Walau bagaimanapun, golongan anak muda yang tidak terlibat dengan pertubuhan/persatuan belia sebahagiannya mempunyai perkumpulan atau gerakan tersendiri berdasarkan kepada fahaman, hobi atau minat mahupun jenis aktiviti yang sama. Mereka mempunyai dan melaksanakan aktiviti mereka sendiri tanpa berdaftar atau bernaung dengan mana-mana agensi berkaitan. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka tidak mahu terikat dengan syarat-syarat mahupun peraturan yang diperlu dipatuhi seperti penghantaran dokumen laporan aktiviti tahunan, laporan kewangan dan lain-lain dokumentasi yang berkaitan.

Manakala sebahagiannya pula hanya terlibat atau menyertai program dan aktiviti sebagai peserta sahaja. Hal ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya perubahan yang berlaku secara global dalam memenuhi keperluan dan kehendak golongan anak muda, serta kepentingan dan keutamaan dalam kalangan anak muda masa kini yang lebih terarah kepada individu berbanding perkumpulan.

Belia yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi cenderung untuk tidak terlibat aktif dalam persatuan kerana merasakan segala proses, keterlibatan dalam persatuan adalah terlalu protokol dan tidak seiring dengan minat mereka. Sesetengah belia yang bekerjaya akan mendahuluikan kerja hakiki berbanding aktiviti berpersatuan. Hal ini disebabkankekangan masa serta agak sukar untuk mendapat pelepasan daripada pihak majikan.

Mereka juga sebenarnya tidak mendapat bimbingan yang terus daripada pemimpin setempat atau "local champion" yang boleh mendorong atau meyakinkan mereka akan segala bentuk proses dan kelebihan yang mereka bakal di terima sekiranya berdaftar sebagai persatuan. Sebagai contoh, melayakkan mereka bergerak dan mendapatkan sedikit bantuan/geran daripada Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

Peranan pemimpin adalah amat penting di dalam sesebuah organisasi, kumpulan komuniti atau sesebuah desa bagi mendorong atau menyatu padukan pandangan dan tindakan masyarakat ke arah menjayakan sesebuah matlamat. Melalui peranan yang dimainkan oleh pemimpin yang memberi kerjasama, sebarang nasihat dan informasi akan dapat disalurkan dengan lebih cepat dan berkesan terhadap sesebuah komuniti.

Komunikasi yang efektif antara pemimpin setempat dan masyarakat setempat turut menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan terbinanya kemauafakatan antara penduduk. Peranan pemimpin adalah amat penting dalam sesebuah komuniti atau organisasi kerana kemampuannya mempengaruhi pandangan dan tingkah laku yang akan membawa kepada kejayaan mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh komuniti di sesebuah tempat atau daerah itu sendiri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A40)**

Perumahan generasi kedua Felda Pasir Raja telah pun diduduki tetapi kawasan tersebut masih tidak dilengkapi dengan lampu jalan. Apakah kerajaan negeri mempunyai peruntukan khas untuk mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

FELDA tidak mempunyai peruntukan khas untuk penyediaan infrastruktur bagi kawasan lot-lot generasi baharu. Namun begitu, adalah dicadangkan supaya lot-lot generasi baharu ini diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk dikawal selia

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB DATO' HAJI ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 23 (A2)**

Mengikut indeks belia Johor pada tahun 2018, keusahawanan dan perumahan adalah dua keperluan utama belia di Johor. Apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini bagi melahirkan usahawan dan apakah bentuk bantuan yang telah disediakan untuk usahawan muda negeri Johor.

JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI

Definisi belia yang dirujuk daripada Dasar Belia Malaysia telah diubah daripada 15 hingga 30 tahun kepada 15 hingga 40 tahun bagi tujuan memberi peluang menerajui pimpinan dan mencorak masa depan sejajar perkembangan transformasi negara.

Antara bantuan yang disediakan adalah melalui SME Corp Malaysia (SME Corp) iaitu memperuntukkan geran perniagaan berjumlah RM2.1 juta tahun ini menerusi program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) kepada 140 usahawan belia Bumiputera di negeri ini.

Seramai 255 usahawan belia Johor sudah menyertai program ini dan berjaya memulakan perniagaan, dengan nilai jualan tahunan dijana mencecah RM3.35 juta, sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2014.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 24 (A48)**

Ramai warga Felda yang mengeluh akibat kejatuhan harga sawit, apakah inisiatif kerajaan negeri dalam membantu warga Felda menangani kejatuhan harga sawit mentah?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Pihak FELDA boleh mencadangkan agar hutang peneroka ditangguhkan buat sementara waktu. Ini bagi membantu pendapatan bersih peneroka tidak ditolak hutang semasa seperti hutang pinjaman pembesaran rumah, bayaran kembali alih ladang, dan hutang baja semasa. Pendapatan bersih peneroka juga akan dipastikan agar tidak kurang dari RM 1000.00 sebulan. Harga minyak sawit adalah berdasarkan kepada harga semasa, namun diperingkat kilang, harga buah sawit bergantung kepada Kadar Perahan Digred (KPG) di kilang. Oleh itu, kawalan KPG boleh dipantau diperingkat ladang di mana buah-buah dihantar perlu memastikan menepati kualiti supaya mendapat kadar perahan digred yang tinggi bagi mendapatkan harga yang tinggi untuk pendapatan yang lebih baik. Penggunaan buruh di rancangan juga akan dimaksimumkan bagi membolehkan hasil dikeluarkan sepenuhnya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)
SOALAN 25 (A94)**

Peneroka FELDA di Johor merupakan anak bangsa Johor. Selain usaha yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan dan FELDA, mohon nyatakan apakah bentuk bantuan, inisiatif dan dana yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri Johor untuk membantu mereka ini dalam menangani kos sara hidup mereka?

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Dalam menangani masalah sara hidup peneroka, FELDA telah memperkenalkan beberapa inisiatif bagi membantu peneroka dalam bentuk bantuan dan pinjaman. Antara bantuan yang diberikan adalah Pelan Khairat Kematian Peneroka (PKKP), Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka (TBKP) untuk sakit-sakit kronik dan bencana alam serta FELDA juga telah memperkenalkan Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka (PPRP) bagi meringankan beban peneroka untuk naik taraf rumah-rumah yang telah uzur. Selain itu, satu kerjasama di antara kerajaan negeri dan persekutuan akan dijalankan bagi mewujudkan pelan revolusi hijau di kawasan tanah-tanah kosong dalam Rancangan Felda.

Program pembangunan usahawan-usahawan FELDA juga diteruskan bagi membantu meningkatkan pendapatan peneroka dan generasi baharu FELDA. Ringkasan bilangan usahawan FELDA dalam negeri Johor adalah seperti berikut:-

Bil.	Wilayah	Bilangan Usahawan
1	Johor Bahru	2800
2	Segamat	1315
	Jumlah	4115

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 26 (A146)**

Minta nyatakan serta penjelasan berkenaan pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras DUN (JPD) dan pejabatnya di setiap kawasan DUN pembangkang; serta jumlah dan dari manakah sumber kewangan bagi semua perbelanjaan yang berkaitan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman YB Panti pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras DUN (JPD) di setiap kawasan DUN Pembangkang dilantik oleh kerajaan negeri mulai pada 31 Januari 2019.

Pelantikan ini melibatkan 17 orang terdiri dari pelbagai latar belakang. Segala program dan aktiviti yang dijalankan oleh JPD ini akan ditampung oleh kerajaan melalui pejabat-pejabat daerah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN HAHSRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 27 (A141)**

Minta nyatakan pendirian Kerajaan di bawah YAB Dato' Menteri Besar sekarang sama ada akan meneruskan segala dasar dan keputusan YB Kempas semasa menjadi Menteri Besar; dan jika tidak, minta senaraikan keputusan dan dasar yang akan dibatalkan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan negeri di bawah pimpinan saya komited untuk meneruskan setiap inisiatif yang telah dirancang di bawah kepemimpinan mantan Menteri Besar khususnya yang memberikan impak yang tinggi kepada rakyat dan pembangunan negeri Johor. Sebagai contoh kerajaan negeri masih meneruskan perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah titik fokus Belanjawan Johor 2019.

Kerajaan negeri juga meneruskan usaha bagi menyediakan pelan pembangunan negeri Johor jangka sederhana panjang menerusi Pelan Pembangunan Mampan Johor 2019-2030 yang sedang diselaraskan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Johor dengan kerjasama pejabat YB Pengurus-Pengurus Jawatankuasa dan jabatan serta agensi berkaitan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 28 (A187)**

Apa status proses pemutihan jeti yang sedang dijalankan di Batu Pahat?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Jeti-jeti di Daerah Batu Pahat di dapati tertumpu di sepanjang Sungai Batu Pahat yang menjalankan aktiviti jeti punggah barang produk pertanian, kayu kayan, barter trade dan bahan batuan untuk eksport.

Jumlah permohonan yang telah di terima sebanyak 36 jeti dan sebanyak 4 jeti telah mendapat kelulusan kerajaan negeri. Sementara 23 permohonan lain telah di tolak dan baki 9 permohonan sedang mendapatkan ulasan jabatan teknikal.

Proses pemutihan jeti yang sedang dijalankan di Batu Pahat adalah memastikan tiada jeti-jeti haram dibina disepanjang Sungai Batu Pahat serta pemantauan / penguatkuasaan atas jeti-jeti yang diluluskan, pematuhan syarat-syarat kelulusan dan aktiviti yang dibenarkan di atas jeti.

Semua permohonan perlu mendapatkan ulasan jabatan teknikal seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran , Jabatan Kerja Raya (JKR), Plan Malaysia, Jabatan Kastam Di Raja, Jabatan Imigresen, Badan Kawal Selia Air Johor dan Polis DiRaja Malaysia sebelum di bawa untuk pertimbangan Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah lebih dahulu.

Permohonan-permohonan yang mendapat sokongan penuh jabatan teknikal dan Jawatankuasa Keselamatan Daerah (JKKD) di bawa untuk pertimbangan kepada Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD. NOR (KEMELAH)
SOALAN 29 (A42)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang atau telah melaksana MyPortfolio - Panduan Kerja Sektor Awam berdasar kepada pekeliling terkini Kerajaan Persekutuan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 dan jika telah dilaksana, apakah status pelaksanaan semasa?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 berkuat kuasa 12 Julai 2018.

Kerajaan Negeri Johor telah menimbal balik pekeliling tersebut dan diguna pakai di semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri berkuat kuasa 12 Disember 2018.

Kerajaan Negeri Johor telah melaksana MyPortfolio – Panduan Kerja Sektor Awam mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018 di semua jabatan dan agensi secara berperingkat.

Unit Korporat dan Kualiti telah melaksanakan Bengkel MyPortfolio bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor pada 31 Oktober 2018.

Status pelaksanaan MyPortfolio bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor sehingga 2 Jun 2019 adalah seperti berikut:-

Bil	Jabatan /Agensi	Jumlah mempunyai MyPortfolio
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor	354
2	Jabatan Negeri	258
3	Pejabat Tanah	70
4	Pejabat Daerah	134
5	Pihak Berkuasa Tempatan	690
6	Badan Berkanun Negeri	81
Jumlah :		1,587

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 30 (A177)**

YAB Perdana Menteri mengatakan bahawa penjawat awam bertanggungjawab mematuhi dan melaksanakan dasar kerajaan selepas peralihan kerajaan, tetapi beliau dapati ada sabotaj di kalangan penjawat awam. Apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya terdapat masalah sebegini dalam pentadbiran kerajaan negeri?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman sidang dewan yang mulia, setakat ini tiada mana-mana Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang dilaporkan serta dituduh di atas cubaan melakukan sabotaj terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri Johor di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Menurut Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Yang Dipertuan Agong, Raja Pemerintah, Negara dan Kerajaan.

Dalam waktu yang sama juga, setiap Pegawai Awam hendaklah menjalankan tugas bedasarkan Undang-Undang Arahan Perbendaharaan dan segala Akta dan Prosedur yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian mana-mama pegawai yang terbukti melanggar apa-apa peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan, boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Johor (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 31 (A126)**

Adakah Kerajaan Johor akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji pembinaan jambatan ketiga atau keempat untuk menghubungkan Johor dan Singapura?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman ahli-ahli dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor mendukung hasrat kerajaan Persekutuan yang ingin melaksanakan kajian bagi pembinaan jambatan ketiga dan keempat sebagai usaha meredakan kesesakan kritis di dua pintu masuk negara di Tambak Johor dan Singapura.

Kerajaan Johor sedar akan masalah kesesakan yang semakin serius di dua pintu masuk negara ini dan memerlukan penyelesaian jangka panjang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri tidak terbantut juga tidak menghentikan kemasukan pelancong ke negeri Johor.

Usaha ini memerlukan penglibatan kedua-dua negara.

Perbincangan antara kerajaan negeri bersama Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kerja Raya telah pun berlangsung bagi mencari penyelesaian masalah kesesakan di kedua-dua pintu masuk negara, termasuk cadangan membina jambatan ketiga.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 32 (A113)**

Adakah Jcorp atau MFA hanya membenarkan peguam panel yang dilantik khas bagi menguruskan Surat Perjanjian Jual Beli tanah lot industri yang ada di Muar Furniture Park (MFP)?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Bentayan, Peguam-peguam yang dilantik bagi mewakili JCorp bagi tujuan penyediaan Surat Perjanjian Jualbeli untuk Muar Furniture Park adalah terdiri daripada panel peguam JCorp.

Walau bagaimanapun, bagi pihak pembeli yang terdiri daripada ahli-ahli MFA dan pembeli bukan ahli MFA, pemilihan peguam adalah di atas budi bicara pembeli itu sendiri dan pihak bank (sekiranya ada pinjaman).

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI RABU, 3 JULAI 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)
SOALAN 33 (A104)**

Penduduk Perigi Aceh memohon 3 ekar tanah untuk pembinaan Dewan orang ramai, masjid dan padang bola sepak. Masjid yang sedia ada adalah atas tanah orang persendirian. Memohon kerajaan Pakatan Harapan menyediakan tanah untuk kegunaannya.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru telah mengenalpasti tapak yang bersesuaian dengan keluasan lebih kurang 3 ekar (1.2141 hektar) bagi cadangan pembinaan Dewan Orang Ramai, Masjid dan Padang Bola Sepak di kawasan berkenaan.

Bagi tapak masjid, Majlis Agama Islam Negeri Johor pada masa ini dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan rasmi di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru bagi tujuan pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965, bagi tujuan tapak masjid selaras dengan ketetapan di dalam Kaedah Tanah Johor 1966.

Manakala bagi tujuan rizab Dewan Orang Ramai dan Padang Bola pula, proses akan dibuat oleh Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru bagi tujuan perizaban di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965.